

Jaringan Rakan Cop perlu diperhebatkan

Oleh HAMDAN AHMAD

u.m m/s 10 14.2.07

BAGI mengekang kejadian jenayah daripada terus dan lebih berleluasa, usaha seperti mewujudkan Rukun Tetangga di kawasan penduduk merupakan salah satu cara dan usaha yang telah berjalan.

Namun demikian, realitinya, kadar jenayah terus berlaku dengan banyak. Kita tidak mampu sebagai rakyat hanya melihat kejadian jenayah berlaku di hadapan kita tanpa berbuat apa-apa.

Kalau inilah sikap kita, maka kita dianggap rakyat yang tidak bertanggungjawab. Negara kita, kita semua kena jaga - bukan sekadar dilepaskan kepada polis sahaja.

Jikalau adanya kerjasama dan jaringan antara orang awam dan polis, kita semua percaya masalah jenayah dapat dikurangkan.

Baru-baru ini, kita sangat mengalu-alukan pembentukan Rakan Cop di institusi pengajian tinggi (IPT) yang dilancar oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed di Universiti Teknologi Mara, (UiTM) Shah Alam.

Ia merupakan usaha murni dalam usaha mengekang kejadian jenayah daripada berlaku. Ia suatu usaha yang bersifat perkongsian pintar antara polis dan mahasiswa IPT.

Diharapkan lebih ramai lagi mahasiswa akan mendaftar sebagai Rakan Cop demi membantu pihak polis membanteras jenayah.

Seperti dikatakan, kita tidak mampu melihat jenayah berlaku di hadapan mata kita - sebabnya ia tidak berlaku kepada diri kita.

Sifat etnosentrik ini perlu dihakis dan perlu dibentuk sifat mementingkan orang lain. Bidalan 'Jangan jaga tepi kain orang' memang sudah tidak sesuai lagi digunakan pada zaman ini.

Pendek kata, sebenarnya ia memang sudah lama tidak sesuai digunakan. Di kampung, masyarakatnya memang tidak mengendahkan bidalan ini sebab budaya di kampung memang menjaga 'tepi kain orang' - sebab itu masyarakat di sana mampu membentuk orang-orang kampung menjadi manusia berguna.

Jadi penglibatan mahasiswa sebagai Rakan Cop memang kena pada masanya melihat keadaan meruncing kehidupan masa sekarang.

Fikirkan kalau ramai mahasiswa terlibat dengan Rakan Cop! Kesannya sudah tentu positif dalam memerangi jenayah kalau benar-benar mahasiswa komited dalam membantu pihak polis dengan jaringan pintar yang diwujudkan.

Fikirkan, juga bahawa di UiTM sahaja ada lebih kurang 100,000 orang mahasiswa seluruh negara. Sekiranya, sepuluh peratus sahaja di kalangan mahasiswa ini yang mendaftar sebagai Rakan Cop, ini bermakna 10,000 mahasiswa akan menjadi Rakan Cop.

Kalau 10,000 mahasiswa UiTM yang mendaftar dilatih sebagai Rakan Cop, sudah tentu impaknya besar sekali dalam usaha mengurangkan kadar jenayah.

Masanya sekarang bukan lagi melihat dan tunggu, ayuhlah para mahasiswa mendaftar sebagai Rakan Cop demi untuk kebaikan kehidupan yang dicari untuk keluarga, bangsa dan nusa.

Sebenarnya tiada jalan mudah dalam memerangi jenayah. Ia terpulang kepada kita sebagai rakyat yang cintakan negara Malaysia. Tepuk dada, tanya selera!